



KENYATAAN MEDIA HARI KE-21 (2)

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat Sabah COVID-19 Command Centre pada hari ini, seperti berikut:

1. TATACARA KUARANTIN APABILA MENDARAT DI NEGERI SABAH

Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa setiap orang yang mendarat di Negeri Sabah ketika tempoh PKP ini akan melalui saringan kesihatan di lapangan terbang atau di mana-mana pintu masuk ke Negeri Sabah oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Keputusan sama ada seseorang itu dihantar ke pusat kuarantin atau dikenakan kuarantin rumah, ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah berdasarkan saringan kesihatan tersebut.

2. PENYALURAN SUMBANGAN DARIPADA PELBAGAI PIHAK

Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa terdapat NGO, pihak swasta dan individu yang telah memberikan sumbangan terus kepada petugas *frontliners* menangani COVID-19 dan juga orang awam yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Kerajaan Negeri menghargai keprihatinan pihak NGO, swasta dan individu yang ingin memberikan sumbangan dan memohon agar para penyumbang supaya menghubungi Mayor, Presiden Majlis

Perbandaran atau Pegawai Daerah selaku Pengerusi Kawalan Operasi Bencana Daerah masing-masing untuk penyelarasan sumbangan di lapangan.

3. LANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI YANG DIBERI KUASA DI BAWAH AKTA 342

Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa Inspektor dan Pegawai Kesihatan yang berkhidmat di mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah adalah pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bermula pada 21 Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, semua Inspektor dan Pegawai Kesihatan PBT adalah merupakan pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan kewajipannya di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di daerah masing-masing.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
07 April 2020 | 3.00 Petang